

GARIS PANDUAN PENYERTAAN PERTANDINGAN ANUGERAH INOVASI KONVENSYEN KUALITI JABATAN KESIHATAN NEGERI SABAH 2025

1. TUJUAN

Garis panduan ini bertujuan untuk memaklumkan kepada semua PTJ/ Bahagian/ Institusi Latihan KKM di Jabatan Kesihatan Negeri Sabah mengenai syarat penyertaan, kriteria penilaian serta format laporan projek bagi Anugerah Inovasi Peringkat Jabatan Kesihatan Negeri Sabah 2025.

2. PENGENALAN

Anugerah Inovasi Peringkat Jabatan Kesihatan Negeri Sabah adalah selaras dengan kehendak Anugerah Inovasi Peringkat Kebangsaan KKM dan bertujuan untuk menggalakkan budaya inovasi dari seluruh warga Jabatan Kesihatan Negeri Sabah. Berdasarkan tafsiran oleh MAMPU, inovasi bertujuan untuk menambah kualiti dan nilai output semasa melalui cetusan idea kreatif dan inovatif dalam konteks yang melibatkan transformasi daripada amalan biasa sama ada dalam bentuk produk, perkhidmatan, proses atau teknologi. Pertandingan ini juga bertujuan untuk mengenal pasti projek-projek inovasi yang dapat mewakili Jabatan Kesihatan Negeri Sabah ke peringkat yang lebih tinggi.

3. OBJEKTIF ANUGERAH INOVASI JABATAN KESIHATAN NEGERI SABAH

Objektif Anugerah Inovasi Jabatan Kesihatan Negeri Sabah adalah untuk:

- 3.1 Memberi pengiktirafan kepada hasil inovasi yang diperkenalkan oleh warga Jabatan Kesihatan Negeri Sabah.
- 3.2 Memupuk dan menyemarakkan budaya kreatif dan inovatif dalam cara bekerja yang diamalkan.
- 3.3 Memperkenalkan dan menyebarkan hasil-hasil inovasi yang boleh dicontohi untuk faedah bersama.
- 3.4 Menyumbang kepada peningkatan kualiti penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan.

4. TAFSIRAN KATEGORI-KATEGORI INOVASI

Rujuk Lampiran 1b

5. SYARAT-SYARAT PENYERTAAN

Syarat-syarat penyertaan Anugerah Inovasi Peringkat JKN Sabah adalah seperti berikut:

- 5.1 Anugerah Inovasi Jabatan Kesihatan Negeri Sabah terbuka kepada semua warga kerja Jabatan Kesihatan Negeri Sabah

- 5.2 Inovasi hendaklah dihasilkan oleh warga KKM di negeri Sabah sama ada dari jabatan, bahagian, cawangan, seksyen atau unit sesebuah agensi
 - 5.2.1 Sekiranya inovasi dihasilkan secara kolaboratif / hybrid bersama agensi selain KKM, *principal owner* hendaklah daripada warga KKM
- 5.3 Projek inovasi yang melibatkan kajian terhadap manusia hendaklah mematuhi garis panduan penyelidikan di Kementerian Kesihatan Malaysia – *National Institute Of Health (NIH) Guidelines For Conducting Research in Ministry of Health (MOH) Institutions And Facilities, 3rd Edition 2021*.
- 5.4 Inovasi yang dihasilkan hendaklah memberi faedah yang jelas dari segi meningkatkan kualiti dan produktiviti organisasi.
- 5.5 Projek Inovasi yang ingin menyertai pertandingan ini mestilah telah **dilaksanakan/ dijalankan sekurang-kurangnya dalam tempoh 6 bulan dari tarikh tutup penyertaan dan tidak lebih daripada 2 tahun** dari tarikh ia diperkenalkan dan dilaksanakan.
- 5.6 Projek inovasi yang **tidak layak** menyertai Anugerah Inovasi Jabatan Kesihatan Negeri Sabah adalah:
 - 5.6.1 Inovasi yang telah menjuarai mana-mana pertandingan di peringkat yang setaraf atau lebih tinggi seperti di Kementerian, Jabatan Digital Negara (MAMPU) ataupun mana-mana anugerah dari agensi luar sama ada dalam negara mahupun luar negara pada tahun-tahun yang lepas
 - 5.6.2 Inovasi yang telah menjuarai Anugerah Inovasi JKN Sabah/ Anugerah Inovasi KKM/ Majlis Persada Inovasi Perkhidmatan Awam KKM (KIK) peringkat negeri atau kebangsaan / Konvensyen QA Peringkat Negeri atau Kebangsaan pada tahun-tahun yang lepas.
 - 5.6.3 Inovasi yang telah dibangunkan serta digunakan oleh mana-mana unit penyelidikan dan pembangunan (inovasi dari hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D) yang **tiada kaitan** dengan peningkatan kualiti dan produktiviti organisasi)
 - 5.6.4 Inovasi yang bukan bertujuan untuk perkongsian dengan agensi KKM
- 5.7 Pihak penganjur berhak menerima dan menolak penyertaan yang tidak mengikut syarat-syarat yang telah ditetapkan.
- 5.8 Pihak penganjur berhak menukar kategori penyertaan inovasi ke kategori yang sewajarnya. Sebarang pertukaran kategori akan dimaklumkan kepada pemohon.
- 5.9 Bagi kategori teknologi, projek inovasi haruslah dibangunkan dengan menggunakan bahasa pengaturcaraan bagi menghasilkan keseluruhan sistem atau perisian. Projek yang hanya menggunakan fungsi perisian automasi pejabat (seperti Microsoft Excel / Word / Powerpoint) dan perisian cloud (Dropbox / Google Drive / Google Map / Google Calendar / Google Doc) tidak dikategorikan sebagai projek inovasi teknologi.

6. KRITERIA PENILAIAN DAN PEMBAHAGIAN MARKAH

- 6.1 Kriteria penilaian adalah berdasarkan Garis Panduan Bagi Melaksanakan Anugerah Inovasi Perkhidmatan Awam Tahun 2006 oleh MAMPU (**Lampiran 1c – 1f**)

7. PEMBAHAGIAN MARKAH

Pembahagian markah diberi mengikut kriteria-kriteria seperti yang ditetapkan di:

Lampiran 1c: Kategori Inovasi Produk
Lampiran 1d: Kategori Inovasi Perkhidmatan
Lampiran 1e: Kategori Inovasi Teknologi
Lampiran 1f: Kategori Inovasi Proses

8. PROSES PENILAIAN DAN PEMILIHAN PENERIMA ANUGERAH

Proses Penilaian dan pemilihan dibuat melalui dua peringkat seperti berikut:

8.1 Peringkat pertama: Tapisan oleh Urus Setia

Semua permohonan yang diterima akan dibuat tapisan di peringkat urus setia untuk memastikan permohonan memenuhi syarat-syarat penyertaan dan tatacara permohonan.

8.2 Peringkat kedua (mengikut keperluan): Penilaian projek inovasi yang disenarai pendek projek yang layak ke peringkat seterusnya

Melibatkan semua kategori inovasi produk, perkhidmatan, proses dan teknologi. Penilaian akan dilaksanakan secara atas talian bagi menyenarai pendekkan projek yang layak ke peringkat seterusnya.

8.3 Peringkat ketiga: Sesi Penilaian semasa Konvensyen Kualiti JKN Sabah (keputusan muktamad penerima Anugerah Inovasi JKN Sabah oleh Panel Penilai)

Pada peringkat ini, projek inovasi yang dipilih akan dijemput untuk membuat pembentangan serta demonstrasi mengenai projek inovasi masing-masing pada hari pertandingan. Pembentangan ini bertujuan untuk membolehkan Panel Penilai mendapat maklumat terperinci, penjelasan lanjut dan membuat pengesahan ke atas pematuhan kriteria yang ditetapkan. Keputusan Panel Penilai adalah muktamad.

9. TATACARA PERMOHONAN

- 9.1 Sila isi Borang Permohonan Penyertaan **Borang A** (boleh didapati melalui **laman sesawang** rasmi JKN Sabah) dan kembalikan kepada urus setia

Pertandingan Inovasi JKN Sabah. Semua permohonan penyertaan hendaklah melalui Ketua Jabatan/Ketua Institusi/Ketua PTJ masing-masing.

9.2 **Abstrak**

- a. Format abstrak adalah seperti di Lampiran 1a. Contoh abstrak adalah seperti di Lampiran 1h.
- b. Gunakan font **Arial bersaiz 12 dan 1.5 spacing**
- c. Jelaskan sebab inovasi dimasukkan ke kategori yang dipilih iaitu sama ada dalam kategori produk, perkhidmatan, proses atau teknologi.
- d. Nyatakan singkatan nama-nama pencipta selepas tajuk projek
- e. Nyatakan semua nama ahli kumpulan serta jabatan kumpulan di bawah abstrak
- f. Jumlah maksima perkataan ialah **350 perkataan**

9.3 **Laporan**

- a. Laporan adalah dalam Bahasa Melayu. Penjelasan terperinci adalah seperti di **Lampiran 1g**
- b. Sediakan laporan **10-15 muka surat** sahaja dengan font **Arial bersaiz 12 dan 1.5 spacing**
- c. Maklumat tambahan seperti surat penghargaan dan sebagainya dijadikan lampiran

9.4 Butiran penghantaran dokumen dan urus setia Pertandingan Inovasi JKN Sabah adalah seperti yang berikut:

Borang Penyertaan dan Abstrak (soft copy)	Hantar sebelum atau pada 15 Ogos 2025 ke e-mel inovasi.jknsabah@moh.gov.my
Laporan Penuh (soft copy)	Hantar sebelum atau pada 15 September 2025 ke e-mel inovasi.jknsabah@moh.gov.my
Laporan Penuh (3 salinan hard copy)	Hantar sebelum atau pada 29 September 2025 ke alamat berikut: Bahagian Kesihatan Pergigian, Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, Tingkat 1, Bangunan Persatuan India Sabah (SIA) 18A, Jalan Maktab Sabah, 88100 Kota Kinabalu. (u.p.: Pn. Lucy Palisa)
Butiran Urus Setia	Dr. Sharon Paul / Pn. Lucy Palisa E-mel : dr.sharonpaul@moh.gov.my/ lucypalisa@moh.gov.my No. Tel.: 014-3330879 (Dr. Sharon) / 088-249172